

Sayap belia Angkatan Karyawan Islam (AMP Muda) baru-baru ini mengumumkan perubahan pucuk pimpinannya. Mantan presiden AMP Muda, Encik Saktiandi Supaat, mengimbas pencapaian persatuan manakala presiden baru Encik Muhd Shamir Abdul Rahim mendedahkan rancangan masa depan pertubuhan itu. Laporan oleh Adli Yashir Kuchit (adli@sph.com.sg).



SUNTIK DARAH BARU: Mantan Presiden AMP Muda, Encik Saktiandi Supaat (kiri), telah mengubah perlembagaan AMP Muda mengehendkan tempoh kepininannya kepada tiga tahun bagi memberi peluang kepada darah muda. Beliau kini diganti oleh Encik Muhd Shamir Abdul Rahim (kanan) yang akan meneruskan visinya memberi lebih banyak peluang bagi golongan karyawan muda menyumbang kepada masyarakat. - Foto M.O. SALLEH

'AMP Muda akan terus mekar'

Mantan presiden suntik darah baru pimpin pertubuhan

SEMASA menerajui sayap belia Angkatan Karyawan Islam (AMP Muda), Encik Saktiandi Supaat bertekad membuka lebih banyak peluang bagi golongan karyawan muda menyumbang kepada masyarakat.

Atas dasar itulah Encik Saktiandi, 41 tahun, mengorak langkah mengubah perlembagaan AMP Muda bagi mengehendkan tempoh kepininannya kepada tiga tahun.

"Suntikan darah baru penting bagi sesebuah pertubuhan. Dengan mengehendkan tempoh khidmat kepininannya, kita dapat beri lebih banyak peluang kepinin baru mengambil alih pucuk pimpinan," kata beliau.

Encik Saktiandi, yang berkhidmat secara sukarela bersama AMP selama lebih sedekad, menerajui AMP Muda sebagai presidennya sejak 2010.

Setelah tamat tempoh khidmatnya di bawah perlembagaan baru, Encik Saktiandi kini memberi laluan kepada Encik Muhd Shamir Abdul Rahim, 31 tahun, untuk mengambil alih teraja AMP Muda.

Namun penglibatan Encik Saktiandi tidak berakhir di situ. Beliau akan terus menyumbang tenaga dan masa secara sukarela kepada AMP.

Sebagai Ketua Unit Penyelidikan Tukaran Asing Maybank, Encik Saktiandi mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan dan ekonomi justeru beliau berasa dapat terus menyumbang kepekernannya dalam usaha kemasyarakatan.

Sebelum bertugas di Maybank, beliau merupakan ketua pakar ekonomi di Divisyen Analisis Pemodelan dan Ekonomi di Jabatan Dasar Ekonomi, Pengasa Kewangan Singapura (MAS).

Selain khidmat sukarela di AMP, ayah tiga anak itu juga merupakan Pengerusi CLJ Labs, sebuah wadah di bawah Forum Pemimpin Masyarakat (CLP) yang menawarkan sokongan dana kepada individu dan badan-badan melaksanakan program kemasyarakatan.

Encik Saktiandi ketika mengimbas sumbangannya sebagai presiden AMP Muda, berkata: "Penglibatan saya dalam AMP dan AMP Muda membuka mata kepada isu-isu masyarakat Melayu/Islam dan menguatkan tekad saya untuk menyumbang."

Beliau turut akur "masih banyak yang boleh dilakukan" semasa tempoh khidmatnya. Namun beliau bersyukur diberi peluang menyumbang sedikit sebanyak kepada pembangunan AMP Muda.

Di bawah kepininannya, keanggotaan AMP Muda meningkat daripada 150 anggota pada 2010 kepada sekitar 500 anggota terdaftar tahun lalu.

Usaha sama dengan badan-badan lain seperti Kelab Mendaki turut diteroka bagi melakar pelbagai program kemasyarakatan. Upamanya, pada 2010 Kelab Mendaki dan AMP Muda telah memperkenalkan program Praxis bagi meningkatkan kesedaran dan memupuk pemikiran kreatif dan kritikal terhadap isu-isu melibatkan golongan muda Melayu/Islam masa kini.

"Usaha sama penting bagi masyarakat kita kerana kita boleh mengemblem sumber terhad dan mengelak duplikasi," ujar beliau.

Beliau menambah pemimpin AMP Muda juga diberi pendedahan tanggungjawab kepininan di peringkat lebih tinggi.

Misalnya, presiden AMP Muda berpeluang menyertai mesyuarat Lembaga Pengarah AMP.

"Ada kalanya kita sering ghairah melaksanakan pelbagai program, namun menerusi penyertaan dalam lembaga AMP kita sedar akan cabaran, rintangan dan hakikat sebenar, contohnya sumber kewangan dalam melaksanakan projek," kata beliau.

Encik Saktiandi melahirkan keyakinan AMP Muda dapat terus mekar di bawah pucuk pimpinan baru.

AMP, menurutnya, perlu terus memberikan kepininan pemikiran, mengenal pasti jurang-jurang khidmat dan memperjuangkan nasib golongan karyawan.

"Kita juga perlu tingkat keyakinan karyawan kita agar kita semua dapat bersaing dengan bakat-bakat se-jagat di pentas nasional dan global," kata beliau.

Nasihat beliau kepada presiden baru AMP Muda: "Uruskan masa dengan baik, tingkatkan rangkaian kerja demi manfaat masyarakat."